

PAS, NGO Islam berhimpun, gesa kerajaan kutuk kudeta Mesir
Malaysian Insider
Aug 17 , 2013
OLEH MD IZWAN, KIMBERLY YEO DAN MUZLIZA MUSTAFA

PAS dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam yang bergabung di bawah Gerakan Bertindak Malaysia berhimpun di ibu negara sebagai solidariti terhadap pergolakan di Mesir dan menggesa agar kerajaan Malaysia mengutuk rampasan kuasa tentera di negara Timur Tengah itu.

"Himpunan Munajat 100 ribu" di Padang Merbok, Kuala Lumpur itu turut menggesa bekas Presiden Dr Mohamed Morsi dikembalikan ke tampuk kepimpinan negara itu.

Hadirin terlebih dahulu solat Asar beramai-ramai di Padang Merbok sebelum program bermula dengan keadaan lalu lintas di kawal oleh beberapa anggota polis dan penguatkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Mohamed Morsi dipilih secara pilihan raya bersih bukan seperti di Malaysia, lampu padam, tong undi di bawa lari, pengundi hantu.

"Tetapi kuasa Morsi dirampas tentera dan rakyat Malaysia harus ingat, polis dan tentera tidak boleh kuasai rakyat," kata Timbalan Presiden PAS Mohamad Sabu dalam ucapannya di hadapan lebih kurang 500 hadirin sambil disambut oleh hadirin dengan laungan "Jahanam Sisi".

Bulan lalu, Morsi digulingkan dalam satu rampasan kuasa oleh pihak tentera.

Sehingga kini pertempuran antara penyokong Morsi dari gerakan Ikhwanul Muslimin dan pemerintah tentera masih belum berhenti walaupun sudah mengorbankan banyak nyawa.

Turut hadir dalam perhimpunan ini adalah rakyat Mesir menetap di Malaysia untuk menyatakan bantahan mereka terhadap apa yang berlaku di negara mereka.

Turut hadir adalah Ahli Parlimen Seremban dari DAP Anthony Loke yang mengatakan krisis di Mesir bukan sahaja isu umat Islam akan tetapi merupakan isu hak asasi manusia.

"Pemimpin Umno mempunyai masa untuk berbincang tindakan dari RoS terhadap DAP tetapi tidak ada masa untuk berbincang tentang apa yang berlaku di Mesir," kata beliau merujuk kepada tindakan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia yang mahu DAP mengadakan pemilihan semula.

"Kami gesa Datuk Seri Najib Razak bawa isu ini ke Parlimen dan kita bersama-sama akan mengutuk pembunuhan di Mesir," tambah beliau lagi.

Menjelang waktu Maghrib, kehadiran penyokong ke himpunan itu meningkat ke hampir 2,000 orang.

Sementara Naib Presiden PAS Salahuddin Ayub berkata, insiden yang berlaku di Mesir pada ketika ini mengingatkan kembali kepada pembunuhan beramai-ramai yang berlaku di Bosnia satu ketika dahulu.

"PAS menyokong sekiranya diadakan sidang khas Parlimen berhubung isu ini.

“Kami akan berkorban apa yang kami ada untuk saudara kami di Mesir,” katanya.

Perhimpunan ditangguhkan untuk hadirin mendirikan solat Maghrib beramai-ramai di Padang Merbok sambil bermunajat mendoakan kesejahteraan Mesir. – 17 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-ngo-islam-berhimpun-gesa-kerajaan-kutuk-kudeta-mesir>